

# Kastam rampas dadah RM1.06j

## Methamphetamine dalam alat papan litar elektronik gagal diseludup

**Butterworth:** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya merampas 7,078 gram (g) dadah jenis methamphetamine bernilai RM1.06 juta yang cuba diseludup dalam alat papan litar elektronik ke Ocenia.

Rampasan itu hasil beberapa serbuan di Pulau Pinang dan Selangor sejak 2 hingga 6 November lalu yang turut berjaya menahan dua ahli perniagaan.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Peman-tuhan), Datuk Johari Alifiah, berkata bertindak hasil maklumat dan risikan, pihaknya membuat pemeriksaan di sebuah syarikat kurier di Taman Perusahaan Nyaman Mutiara, Bayan Lepas, dekat sini pada jam 12.45 tengah hari, 2 November lalu dan merampas lapan bungkusan yang diikrar sebagai alat papan litar elektronik.

“Lapan bungkusan membabitkan tiga alamat di Kuala Lumpur itu untuk kiriman ke sebuah negara di Ocenia.

“Hasil pemeriksaan kami menjumpai 18 bungkusan timah da-

lam alat papan litar elektronik berkenaan yang mengandungi kira-kira 6,075g dadah bernilai RM911,250,” katanya pada sidang akhbar, di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya sekali lagi menyerbu syarikat kurier terbabit pada jam 11 pagi dua hari kemudian dan menahan seorang lelaki berumur 29 tahun bersama sebuah bungkusan juga diisytiharkan sebagai alat papan litar elektronik untuk dikirim ke negara Oceania.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan dalam alat papan litar elektronik itu, kastam menemukan 1,003g methamphetamine bernilai kira-kira RM150,450.

Johari berkata, ekoran penahanan lelaki itu, kastam menahan seorang lagi lelaki berumur 39 tahun di Selayang, Selangor pada 6 November lalu.

Katanya, dua suspek itu dipercayai ahli sindiket pengedaran dadah di negara ini yang mempunyai rangkaian antarabangsa.

“Siasatan mendapati sindiket itu menjalankan kegiatan penge-



**Johari menunjukkan bungkusan mengandungi methamphetamine yang dirampas pada sidang media di Kompleks Pencegahan Negeri JKDM, Seberang Perai, semalam.**  
(Foto Danial Saad/BH)

edaran dadah ke luar negara dengan menyembunyikannya dalam alat papan litar elektronik bagi mengelak dikesan pihak berkuasa sejak sebulan lalu.

“Mereka juga dipercayai sudah menghantar bungkusan mengandungi dadah ke luar negara se-

belum ini.

“Semua dadah yang dirampas dalam siri serbuan itu ialah 7,078g bernilai RM1.06 juta dan kami sedang mengesan beberapa lagi ahli sindiket berkenaan,” katanya.

Johari berkata, dua lelaki yang

juga ahli perniagaan itu direman sehingga esok bagi membantu siasatan dan kes disiasat menurut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 iaitu mengedar dadah yang boleh membawa hukuman gantung sampai mati.

BERNAMA